

03/02/1998

Gempar berita Aishah

* BAGI membantu kerajaan menangani kegawatan ekonomi, syarikat dana profesional pertama dipelopori wanita di negara ini ditubuhkan dengan nama Dana Wanita.

Dana Wanita itu akan digunakan untuk mengendalikan urus niaga pelaburan saham dan dijangka beroperasi Mac.

Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman berkata dana yang diusahakan bersama Wanita Barisan Nasional serta pelbagai pertubuhan wanita akan menjadi syarikat dana profesional pertama mempunyai pengerusi eksekutif wanita.

Tambah beliau, Kompleks Metrowangsa yang dilantik menjadi pengurus dana itu masih menunggu kelulusan Suruhanjaya Sekuriti.

"Kelulusan itu dijangka diperolehi dalam tempoh sebulan iaitu sebelum urus niaga dimulakan.

"Dana itu juga dijangka dikumpulkan menerusi kutipan Pelaburan Ihsan Wanita," katanya.

Pelaburan Ihsan Wanita akan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed pada 8 Februari ini.